



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

## **UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG DATUK SERI ISHAM BIN ISHAK**

**KETUA SETIAUSAHA**

**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

***SEMINAR ON HALAL PROFESSION***

**14 SEPTEMBER 2023**

**DEWAN PERDANA**

**KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bismillahirrahmanirrahim.

YBrs Tuan Haji Shaharul Sadri bin Alwi

Ketua Pengarah

Jabatan Standard Malaysia

Encik Yuslan bin Yasok

Mewakili Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Encik Mohamad Samir bin Sulaiman

Mewakili Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Encik Rohazwan bin Zakaria

Mewakili Halal Development Corporation Berhad (HDC)

YBhg Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama berada di **Seminar on Halal Profession** pada hari ini.
2. Seminar ini adalah anjuran Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Halal Development Corporation Berhad (HDC).

3. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada YBhg Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama menjayakan seminar ini.
4. Selain itu, sekalung tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada barisan penceramah, panel dan pegawai Kementerian dan Jabatan Standard Malaysia yang terlibat dalam seminar ini secara langsung mahupun tidak langsung, sekaligus memastikan kejayaan penganjuran "***Seminar on Halal Profession***" ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

#### **Para hadirin yang dihormati sekalian**

5. Pada tahun ini, Malaysia sekali lagi menganjurkan **Program Global Halal Summit (GHaS) 2023** bermula dari 9 hingga 15 September 2023 yang menyaksikan kerjasama erat antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan tiga (3) agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) iaitu Jabatan Standard Malaysia (JSM), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) dan Halal Development Corporation Berhad (HDC). Untuk pengetahuan semua, GHaS 2023 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 12 September 2023 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC).
6. Bersempena GHaS 2023, JAKIM telah menganjurkan dua (2) program dengan jayanya iaitu *13th Halal Certification Body Convention* dan *Global Halal Industry Congress* dari 9 hingga 11 September 2023 di Pullman Kuala Lumpur City Centre. Kini sedang berlangsung adalah program di bawah MITI iaitu:

- 19th *Malaysia International Halal Showase* (MIHAS) yang dianjurkan oleh MATRADE bermula dari 12 hingga 15 September 2023;
  - *Halal Sector Forum 2023* yang dianjurkan oleh HDC bermula dari 13 September 2023 hingga hari ini; dan
  - *Seminar on Halal Profession* yang dianjurkan oleh JSM pada hari ini.
7. Penganjuran program GHaS 2023 ini mencerminkan sokongan penuh dan komitmen berterusan Kerajaan Malaysia dalam memartabatkan Halal bukan sahaja dalam negara tetapi di persada antarabangsa.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

8. **Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030)** telah dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Melalui HIMP 2030, industri halal negara dijangka berkembang kepada AS\$113.2 bilion menjelang 2030, dengan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 8.1 peratus menjelang 2025.
9. HIMP 2030 yang bertemakan '**Prominent, Visible and Globalized Halal Malaysia**' mempunyai tujuh (7) teras strategik. Di bawah Teras Strategik 3 iaitu **mewujudkan kumpulan pakar dan profesional halal yang lebih besar untuk memenuhi keperluan global**, salah satu inisiatif yang dikenal pasti adalah meningkatkan kecekapan pekerja berpengalaman dan mahir dalam industri Halal berdasarkan rangka kerja pengiktirafan yang disokong kerajaan iaitu melalui pelaksanaan *Halal Industry Occupational Framework* yang telah dibangunkan sejak tahun 2020 oleh HDC.
10. Kerangka ini merupakan hasil analisis yang dimulakan oleh HDC melalui penyelidikan terperinci dengan sokongan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pelbagai pihak berkepentingan lain dari agensi

Kerajaan, institusi latihan dan wakil industri. Ia memberikan gambaran keseluruhan tentang Struktur Pekerjaan Industri Halal dan mengenal pasti jurang kemahiran, perjawatan kritikal dan deskripsi tugas yang membantu dalam memahami keperluan pelbagai jenis pekerjaan dalam industri Halal.

11. **MS 2691 Halal profession – General requirements** juga dibangunkan untuk menyediakan struktur berorganisasi keperluan profesion halal bagi membolehkan individu dalam bidang profesion halal mendapatkan pengiktirafan mereka dalam industri halal. Melalui MS 2691, ianya akan menggabungkan pelaksanaan *Halal Industry Occupational Framework* dan memperkasa tanggungjawab Majlis Profesional Halal yang ditubuhkan secara pentadbiran di bawah JAKIM.
12. Untuk makluman, Majlis Profesional Halal ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-58 yang telah diadakan pada 15 Disember 2014. Majlis ini bertanggungjawab dalam membangunkan modul latihan yang komprehensif dan menilai mana-mana orang yang terlibat secara langsung dalam pengawalan integriti halal bagi memastikan tahap kompetensi dan kualiti Profesional Halal termasuk Penyedia Latihan Halal terpelihara untuk kepentingan awam.
13. Dengan inisiatif ini, diharap ianya dapat memperkukuhkan infrastruktur dan ekosistem halal sedia ada serta menjamin integriti Pensijilan Halal Malaysia khususnya, agar ianya sentiasa diyakini oleh pengguna.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

14. Saya mengharapkan para peserta dapat memanfaatkan Seminar pada hari ini serta menggunakan peluang dan ruang interaksi yang disediakan bagi meningkatkan pemahaman terhadap standard-standard tersebut.

15. Saya juga berharap agar para peserta mengambil kesempatan ini untuk hadir ke MIHAS 2023 dan juga menyertai Program *Halal Sector Forum* yang diadakan di bangunan bersebelahan iaitu *Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC)* selepas program ini selesai.
16. Sebelum mengakhiri kata, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua para peserta yang hadir, sekalung penghargaan juga saya ucapkan kepada wakil penceramah dan panel bagi hari ini iaitu dari pihak JSM, JAKIM, JPK dan HDC.
17. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirahim*, saya dengan ini merasmikan *Seminar on Halal Profession*.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi.

Terima kasih.